

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat yang tersenarai dalam FTSE4Good Bursa Malaysia Index kerana berjaya mengamalkan ESG (*Environmental, Social and Governance*) dan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan jumlah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah syarikat tersenarai awam (PLC) yang tersenarai di dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia adalah 76 syarikat. Ketika indeks ini pertama kali dilancarkan pada Disember 2014, hanya 24 PLC yang tersenarai.

Di samping itu, Bursa Malaysia telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Kewangan untuk membantu PLC dalam meningkatkan prestasi ESG syarikat melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- i. **Menyediakan bimbingan secara komprehensif** melalui Panduan Pelaporan Kelestarian (*Sustainability Reporting Guide*) dan Kit Panduan yang berkaitan serta Panduan Tadbir Urus Korporat;

- ii. **Menjalankan penilaian dan maklum balas** melalui pelaksanaan Kajian Semula Pendedahan Kelestarian (*Sustainability Disclosure Review*) pada setiap tahun untuk menilai pendedahan PLC dan memberi maklum balas mengenai bidang yang perlu diperbaiki;
- iii. **Menjalankan program advokasi** melalui program advokasi untuk PLC bagi menghadapi pelbagai isu / tema ESG yang berkaitan;
- iv. **Menyumbang secara Proaktif untuk memperkuatkan Tadbir Urus Korporat dan Ekosistem Kelestarian** melalui penglibatan secara aktif dalam pelbagai platform. Di samping itu, Bursa Malaysia juga mendorong pihak berkepentingan dalam pasaran modal lain seperti pelabur institusi untuk memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong amalan ESG yang lebih baik oleh PLC; dan
- v. **Menyediakan sumber sokongan lain** melalui BURSASUSTAIN iaitu repositori maklumat setempat berkaitan tadbir urus korporat, kelestarian dan pelaburan yang bertanggungjawab untuk PLC.

Pada bulan April 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengemas kini Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), untuk memberi fokus kepada peranan lembaga pengarah dan pengurusan kanan syarikat dalam pengurusan risiko dan peluang. Usaha ini bertujuan menyokong kemampuan syarikat melalui amalan-amalan terbaik baharu dan garis panduan yang dikemaskini bagi memperkuatkan budaya tadbir urus korporat PLC.

Antara amalan terbaik yang diperkenalkan dalam MCCG versi yang terkini merangkumi peranan-peranan syarikat seperti berikut:

- i. Kewajiban lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk memastikan pelaksanaan polisi dan amalan terbaik untuk menyokong integrasi ESG antaranya dalam pembentukan strategi dan pengendalian operasi syarikat;

- ii. Syarikat perlu berhubung dan berkomunikasi dengan pihak berkepentingan seperti pekerja, pemegang saham, pelanggan secara jelas dan telus mengenai keutamaan ESG syarikat, termasuk melaksanakan strategi dan prestasi dalam mencapai sasaran ESG syarikat;
- iii. Lembaga pengarah mesti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan mereka terus mengikuti dan memahami isu-isu kemampanan yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaannya, termasuklah risiko dan peluang yang berkaitan dengan iklim;
- iv. Penilaian prestasi lembaga dan pengurusan kanan juga harus termasuk aspek menangani risiko dan peluang kelestarian; dan
- v. Pelantikan individu dalam pengurusan kanan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelaksanaan strategi ESG syarikat secara menyeluruh dalam operasi syarikat.

Pencapaian PLC dalam mengamalkan amalan tadbir urus yang disyorkan dalam MCCG, termasuk yang tersebut di atas dipantau oleh SC dan akan dilaporkan dalam laporan tahunan *Corporate Governance Monitor* yang diterbitkan oleh SC.

Capital Markets Malaysia (CMM), sebuah organisasi bersekutu SC, turut menubuhkan beberapa pusat kecemerlangan dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan industri pasaran modal dalam bidang kelestarian. *Centre for Sustainable Corporations* (CSC) merupakan salah satu pusat kecemerlangan yang pertama sekali telah ditubuhkan di bawah inisiatif ini, bertujuan untuk membina amalan kelestarian di kalangan syarikat tersenarai awam dan juga mengembangkan kepakaran dan menempatkan syarikat-syarikat Malaysia sebagai sasaran pelaburan lestari di kalangan para pelabur.

Sekian, terima kasih.